



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PEKELILING PENDAFTAR

Tarikh : 08 Ogos 2018

Bil. 9/2018

Ruj : UMS/PEND2.1/100-1/7/2

KEMUDAHAN CUTI TANPA REKOD MENUNAIKAN AKTIVITI KEAGAMAAN KEPADA KAKITANGAN BUKAN ISLAM

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini dikeluarkan bagi memaklumkan Pemakaian Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Menunaikan Aktiviti Keagamaan Kepada Kakitangan Bukan Islam Di Universiti Malaysia Sabah (UMS).

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Sepertimana yang sedia maklum, Cuti Umrah telah diterima pakai di universiti melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2017. Cuti Umrah ini adalah dibawah kategori Cuti Tanpa Rekod. Hanya diberikan kepada kakitangan berstatus tetap, beragama Islam dengan kadar tujuh (7) hari dan diambil sekali sepanjang tempoh perkhidmatan.
- 2.2 Namun begitu, cuti seumpamanya tidak ditawarkan kepada kakitangan universiti yang bukan beragama Islam melainkan cuti-cuti yang telah diperuntukan dalam pekeliling seperti cuti perayaan yang diberikan sebagai cuti umum di Malaysia.
- 2.3 Mengambil kira kepelbagaian bangsa dan agama yang wujud di Malaysia khususnya di Sabah, pihak pengurusan universiti berpandangan adalah wajar cuti ini dipanjangkan kepada kakitangan universiti yang bukan beragama Islam bagi menghormati hak kebebasan beragama warga universiti.
- 2.4 Oleh yang demikian, **Pihak Berkuasa Pengurusan Universiti (PBPU) Bil. 3/2018 (Siri 1) (Kali Ke-222) pada 23 Mei 2018** dan **Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Sabah (LPU) Kali Ke-85 (Bil. 4/2018) pada 24 Julai 2018** telah bersetuju untuk meluluskan Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Menunaikan Aktiviti Keagamaan Kepada Kakitangan Bukan Islam Di Universiti Malaysia Sabah (UMS).

- 2.5 Bersama ini dilampirkan syarat dan kadar Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Menunaikan Aktiviti Keagamaan Kepada Kakitangan Bukan Islam Di Universiti Malaysia Sabah (UMS) sebagai makluman dan rujukan warga universiti.

3.0 PELAKSANAAN

- 3.1 Ketua Jabatan harus mengambil perhatian dan memaklumkan kakitangan dibawah seliaan masing-masing Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Menunaikan Aktiviti Keagamaan Kepada Kakitangan Bukan Islam Di Universiti Malaysia Sabah.

4.0 TARIKH KUATKUASA

- 4.1 Pekeliling Pendaftar ini berkuatkuasa pada 1 Januari 2018.

"BERTEKAD CEMERLANG"


NO'MAN HJ. AHMAD
Pendaftar

Tarikh : 20 Ogos 2018

Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

**RINGKASAN KEMUDAHAN CUTI TANPA REKOD MENUNAIKAN AKTIVITI KEAGAMAAN
KEPADA KAKITANGAN BUKAN ISLAM DI UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (UMS).**

	SYARAT	KADAR
PELAKSANAAN	<ul style="list-style-type: none"> • Permohonan yang dikemukakan hendaklah disertakan dengan dokumen perjalanan; dan • perlu disertakan surat kelulusan daripada Institusi Keagamaan masing masing untuk perakuan Ketua Jabatan; 	<ul style="list-style-type: none"> • Maksimum tujuh (7) hari; • Tidak termasuk hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan dan hari kelepasan am; • Perkiraan tujuh (7) hari bagi bermula dari tarikh penerbangan sebenar ke destinasi yang ditujui; • Diberikan sekali sahaja (one-off) sepanjang tempoh perkhidmatan; • Sekiranya tempoh Cuti yang digunakan adalah kurang daripada tujuh (7) hari, baki cuti yang tidak digunakan tidak boleh dibawa ke hadapan;